

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

12. Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak.

Bagi kes-kes kesalahan seksual kanak-kanak dilaporkan pada tahun 2019:

- (a) Berapakah jumlah kes kesalahan yang dilaporkan, mengikut pecahan daerah?
- (b) Apakah hubungan antara pelaku dan mangsa kes kesalahan seksual kanak-kanak?
- (c) Apakah pecahan mengikut umur, bangsa dan jantina pelaku dan mangsa?

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. (a) Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 55 kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak telah dilaporkan pada tahun 2019 dan pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	JUMLAH KES
1	Timur Laut	15
2	Barat Daya	11
3	Seberang Perai Utara	8
4	Seberang Perai Tengah	14
5	Seberang Perai Selatan	7
JUMLAH		55

- (b) Berdasarkan rekod analisis kes daripada PDRM, hubungan antara pelaku dan mangsa seksual kanak-kanak melibatkan empat (4) kategori iaitu ahli keluarga, jiran, kenalan dan bukan kenalan.
- (c) Perincian kesalahan seksual terhadap kanak-kanak mengikut umur, bangsa dan jantina adalah seperti di bawah:

Jadual 1: Perincian kesalahan seksual terhadap kanak-kanak pada tahun 2019 mengikut umur mangsa dan pelaku.

UMUR	BILANGAN KES	
	MANGSA	PELAKU
12 tahun dan ke bawah	37	1
13 hingga 17 tahun	18	6
18 tahun dan ke atas	0	48
JUMLAH	55	55

Jadual 2: Perincian kesalahan seksual terhadap kanak-kanak pada tahun 2019 mengikut bangsa mangsa dan pelaku.

BANGSA	BILANGAN KES	
	MANGSA	PELAKU
Melayu	41	38
Cina	5	5
India	7	7
Lain-Lain	2	5
JUMLAH	55	55

Jadual 3: Perincian kesalahan seksual terhadap kanak-kanak pada tahun 2019 mengikut jantina mangsa dan pelaku.

JANTINA	BILANGAN KES	
	MANGSA	PELAKU
Lelaki	2	55
Wanita	53	0
JUMLAH	55	55

